



06 OCT, 2022

## Lima sekolah menang Anugerah Sekolah S.M.A.R.T



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3



### 5 sekolah terima Anugerah S.M.A.R.T Sinar Bestari

SEBANYAK lima sekolah menerima pengiktirafan Anugerah Sekolah S.M.A.R.T Sinar Bestari 2021/2022 (ASSSB) menepati ciri-ciri skil, mahir, atribut, relevan serta teknologi.

Anugerah anjuran bahagian pendidikan *Sinar Harian*, Sinar Bestari dengan tajaan Bank Rakyat yang julung kali diperkenalkan itu melibatkan empat kategori untuk sekolah rendah dan menengah.

20 & 21



06 OCT, 2022

## Lima sekolah menang Anugerah Sekolah S.M.A.R.T



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

# Lima sekolah menang Anugerah Sekolah S.M.A.R.T



Dari kiri, Meen Tahirin; Farah Hussamuddin; Pkharuddin Ghazali; Ahmad Amzad; Nizam Sani dan Yang Mulia Tengku Munazirah Tengku Abdul Samad.



Barisan pemenang anugerah pada Majlis Anugerah Sekolah SMART Sinar Bestari yang berlangsung di Hotel Concorde, Shah Alam pada Rabu.

**Oleh NURFARDLINA IZZATI  
MOKTAR  
SHAH ALAM**

Ima sekolah menerima pengiktirafan Anugerah Sekolah S.M.A.R.T Sinar Bestari 2021/2022 (ASSSB) menepati ciri-ciri Skil, Mahir, Atribut, Relevan dan Teknologi.

Anugerah anjuran bahagian pendidikan Sinar Bestari dengan tajaan Bank Rakyat buat julung kali itu melibatkan empat kategori dipertandingkan untuk sekolah rendah dan menengah kerajaan.

Kategori Sekolah Menengah Bandar dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Bakri, Kuala Lumpur manakala Sekolah Menengah Luar Bandar dirangkul SMK Saujana Utama, Selangor.

Anugerah bagi kategori Sekolah Rendah Bandar menjadi milik Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Wan Kemara,

Kedah dan SK Chopin, Perak untuk Sekolah Rendah Luar Bandar.

Pemenang bagi empat kategori tersebut masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak RM10,000, trofi dan sijil penyertaan.

Sementara itu, satu lagi pengiktirafan bagi Anugerah Khas Juri pula dinobatkan kepada SK Pos Dipang, Perak dengan membawa wang tunai RM5,000, trofi dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim di Hotel Concorde Shah Alam di sini pada Rabu.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Pkharuddin Ghazali; Presiden The Hope Factory Malaysia, Tengku Munazirah Tengku Abdul Samad.

Selain itu, Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat, Nizam Sani dan Naib Presiden Komunikasi dan CSR Bank Rakyat, Nizam Abu Samah.

Ahmad Amzad dalam ucapan perasmian berkata, apa yang dilakukan oleh Sinar Bestari wajar dipuji kerana lima ciri S.M.A.R.T yang dipertandingkan itu merangkumi semua aspek diperlukan dalam sistem pendidikan.

"Bagi sekolah yang menang, tahniah diucapkan dan saya berharap ia tidak terhenti setakat ini dan akan berterusan serta ambil peluang untuk meneroka teknologi dalam usaha memantapkan sistem pendidikan hari ini."

"Jadikan situasi pada hari ini sebagai titik tolak untuk memacu kemajuan dalam teknologi pendidikan negara selain memberi kesedaran dan menggalakkan lebih ramai anak-anak mahir dalam teknologi," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin berkata, program tersebut adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Sinar Karangkraf sebagai sebuah badan korporat.

Menurut beliau, ia bagi menghargai kejayaan, bakat dan potensi sekolah serta pelajar di negara ini.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima daripada sekolah yang menghantar penyertaan amat menggalakkan."

"Ini menunjukkan walaupun ketika pandemik Covid-19 yang melanda negara dan dunia, namun cabaran dan kekangan yang dihadapi ternyata tidak melemahkan semangat guru dan pelajar untuk turus meningkatkan kecermerlangan."

"Malah ia menjadi pendorong untuk mencipta lebih banyak kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa," jelas beliau.

Tambah Farah, sebagai kesambungan, Sinar Bestari dan Sinar Harian akan meneruskan misi penganjuran anugerah itu pada 2023 dengan kompen #GenerasiMahirBerilmu.

"Saya mengalu-alukan kehadiran dan sokongan syarikat korporat seperti Bank Rakyat untuk kita sama-sama memperkasakan kemahiran dan ilmu kepada generasi akan datang," ujarnya.



06 OCT, 2022

## Lima sekolah menang Anugerah Sekolah S.M.A.R.T

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

### SUMMARIES

SEBANYAK lima sekolah menerima pengiktirafan Anugerah Sekolah S.M.A.R.T Sinar Bestari 2021/2022 (ASSSB) menepati ciri-ciri skil, mahir, atribut, relevan serta teknologi. Anugerah anjuran bahagian pendidikan Sinar Harian, Sinar Bestari dengan tajaan Bank Rakyat yang julung kali diperkenalkan itu melibatkan empat kategori untuk sekolah rendah dan menengah. 5 sekolah terima Anugerah S.M.A.R.T Sinar Bestari 20 & 21

Dari kiri, Meen Tahrin; Farah Hussamuddin; Pkharuddin Ghazali; Ahmad Amzad; Nizam Sani dan Yang Mulia Tengku Munazirah Tengku Abdul Samad.